



SIRI LAPORAN ANTIDADAH Kerjasama antara Berita Harian/Minggu dengan Biro Narkotik Pusat (CNB)

Darul Islah ubah pendekatan ikut profil pesalah dadah muda

Dec 23, 2018 | 05:30 AM

NUR HUMAIRA SAJAT



Kongsi

BAGI memerangi gejala dadah yang kian meningkat dalam kalangan golongan yang lebih muda, Rumah Peralihan Jamiyah Darul Islah telah mengubah pendekatan dalam menjalankan program yang ditawarkan kepada pesalah dadah.

Ia bukan sekadar menganjurkan program sahaja, bahkan kegiatan perlu dibentuk mengikut rentak dan keperluan mereka, menurut Ketua Rumah Peralihan Jamiyah (Darul Islah), Encik Mohamad Faizal Abas, 44 tahun.

Dibuka pada 1996, Darul Islah berfungsi sebagai pusat pemulihan buat pesalah dadah menjalani kehidupan baru sebelum mereka dibebaskan dan berintegrasi semula ke dalam masyarakat.

Kini ia menempatkan 86 penghuni.

Selang beberapa tahun ini, trend yang dapat dilihat ialah lebih ramai anak muda terjebak dalam dadah.

Menurut Encik Faizal, bagi kemasukan tahunan dahulu, kebanyakan mereka berusia 35 tahun ke atas.

Namun kini, ia terdiri daripada mereka yang lagi muda terutama sekali dalam lingkungan usia antara 30 tahun dengan 35 tahun.

Malah, Encik Faizal menambah, pesalah yang paling muda berumur 20 tahun, dan walaupun pada usia semuda itu, dia sudah masuk kali kedua kerana menyalah guna dadah.

"Apabila kami lakarkan program, kegiatan itu perlu menarik minat mereka (anak muda) contohnya kegiatan fizikal melalui sukan," jelasnya.

Justeru, Darul Islah bekerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Singapura (FAS) dan menganjurkan lawatan seperti ke Stadium Jalan Besar dengan penghuni berpeluang memberi sokongan sedang pasukan bola sepak Singapura bertanding.

"Ia mungkin dilihat sebagai kegiatan biasa-biasa sahaja, namun kami ingin mengajar mereka tentang riadah dan gaya hidup positif," ujarnya.

Malah, bagi tahun depan, Kelab Bola Sepak Home United (HUFC) akan bekerjasama dengan Darul Islah bagi mengalakkan kegiatan fizikal.

Contohnya, padang bola boleh digunakan secara percuma pada Ahad di Akademi Bola Sepak Belia Home United (HYFA).

Di samping kegiatan seronok, Encik Faizal menekankan kepentingan disiplin dan melengkapi penghuni dengan kemahiran pekerjaan.

Darul Islah mempunyai Unit Pengambilan untuk Bekerja (Work Employment Unit) sendiri.

Menerusi rangkaian mereka, penghuni yang sedang menjalani perkhidmatan di rumah peralihan serta mereka yang bebas, dapat berhubung secara langsung dengan perniagaan bagi mendapatkan pekerjaan.

Di samping itu, perniagaan ini turut menjalankan latihan seperti kursus Kelayakan Kemahiran Tenaga Kerja (WSQ).

Di luar sempadan rumah peralihan itu, Darul Islah juga giat dalam usaha mendekati belia berisiko.

Bagi Encik Faizal, ia penting bagi mencegah gejala ini dari awal lagi.

Dilancarkan pada Mei lalu, program 'Caravan of Hope' diadakan di rumah peralihan tersebut, khas buat remaja daripada Perkhidmatan Masyarakat PEKIK yang terdiri daripada golongan remaja dan pelajar sekolah berisiko tinggi.

Dengan tujuan supaya mereka menjauhi kegiatan kurang sihat dan membina keyakinan diri sebagai benteng pengaruh dadah dan samseng, program itu memberi tumpuan pada aspek perkembangan peribadi lain.

Misalnya, mereka dapat belajar mengenal pasti tujuan hidup, membezakan antara kehendak dengan keperluan, dan teknik mengelak percampuran kurang sihat menerusi bekas penagih dadah sendiri.

Menurut Encik Faizal lagi, mendekati ahli keluarga penghuni Darul Islah juga tidak terkecuali.

"Program rumah peralihan ini berteraskan keperluan penghuni kami, namun kami juga mendekati keluarga mereka kerana kami perlu sokongan mereka dalam proses pemulihan," ujarnya.

Justeru, usaha melakukan demikian akan terus dipertingkat tahun depan.

Bagi penghuni yang masih menjalani hukuman, Pusat Kecemerlangan Keluarga (Family Excellence Circle) akan ditubuhkan bagi ahli keluarga mereka.

Menerusi pusat ini, ahli keluarga terutamanya isteri dan anak-anak dapat menjalani kegiatan misalnya program memasak serta ceramah kewangan.

Selain itu, Darul Islah akan melancarkan program I.Taq tahun depan dengan mereka sendiri merujukkan penghuni ke pusat tertentu bagi mendapat bantuan setelah dibebaskan misalnya bantuan kewangan, dan pendidikan anak.

Bagi memenuhi keperluan mereka, Darul Islah akan bekerjasama dengan Pusat Khidmat Keluarga (FSC), Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC), dan agensi CARE Network yang lain.

Sebelum ini, penghuni hanya diberitahu tentang cabang tempat mereka boleh meminta bantuan, namun pada masa hadapan, Darul Islah akan memimpin mereka dan melakukannya bersama.

SIRI LAPORAN ANTIDADAH Kerjasama antara Berita Harian/Minggu dengan Biro Narkotik Pusat (CNB)

Semangat bekerja membara lihat penghuni dibebasan

Dec 23, 2018 | 05:30 AM

NUR HUMAIRA SAJAT



0



Kongsi



SEMANGAT BERBAKTI: Encik Mohamad Faizal Abas merupakan ketua Rumah Peralihan Jamiyah Darul Islah dan telah berkhidmat di sini selama sembilan tahun. - Foto BM oleh NG SOR LUAN

BELIAU menukar kerjaya dari di penjara ke rumah peralihan.

Namun, matlamatnya tetap sama.

Mahu menyumbang kepada peperangan menghapuskan gejala dadah.

Malah, ketua Rumah Peralihan Jamiyah Darul Islah itu, Encik Mohamad Faizal Abas, berkata kerjayanya di rumah peralihan hanya cabang tambahan yang memerlukan pendekatan berbeza.

"Di penjara, tumpuannya pengurungan kerana pesalah menjalani hukuman. Namun di sini, saya terdedah kepada aspek lain seperti masyarakat, keluarga, majikan dan rangkaian," jelasnya yang sudah bekerja di Darul Islah sejak 2009.

Bahkan, pengalamannya sebagai ketua warden di penjara selama sembilan tahun mengajarnya selok-belok menangani pesalah dadah.

Encik Faizal, 44 tahun, berkata perkarangan rumah peralihan lebih terbuka jika dibandingkan dengan penjara tertutup yang mempunyai keselamatan yang tinggi.

"Pengalaman saya sebelumnya membantu saya menangani kemudahan ini. Ia cabaran besar. Risiko mereka menyeludup dadah, telefon bimbit, rokok dan sebagainya sentiasa ada. Ini semua akan merosakkan proses pemulihan," ujar bapa dua anak itu.

Di samping tanggungjawab berat yang dipikul, tugas yang dijalankan memerlukannya mencurahkan tenaga dan melaburkan emosi.

Sehingga ada kalanya, amat menguji.

Encik Faizal masih ingat lagi kejadian yang membuatnya terkesan hingga hari ini meskipun sudah enam tahun berlalu.

Setibanya di rumah peralihan pada 2012, Adi (bukan nama sebenar) berada dalam keadaan kaki kudung akibat suntikan dadah yang telah mematikan sarafnya. Bagi memberinya motivasi, Encik Faizal telah ke hospital dengan mengusahakan pembuatan kaki prostetik untuk Adi supaya dia dapat memakainya setelah dibebaskan nanti.

Kaki prostetik itu buatan Jerman itu berjaya mendapat biaya penuh sebanyak \$7,000.

Seminggu setelah Adi dibebaskan, Encik Faizal mengetuk pintu rumahnya untuk mengajaknya memasang kaki yang akhirnya sudah pun siap.

Kakak Adi membuka pintu.

Raut wajahnya sedih.

Apabila ditanya mana Adi, kakaknya menjawab, "Adi dah kena tangkap...".

"Hati saya hancur," kata Encik Faizal dalam nada yang sedih.

Bagaimanapun, Encik Faizal berkata ia pemangkin semangatnya.

"Yang penting, kita sudah lakukan yang terbaik. Kegagalan boleh menjadi motivasi.

"Perasaan putus asa yang mematikan semangat saya agar tetap berada dalam pekerjaan ini tidak pernah terjadi," ujarnya positif.

Apa yang memberinya semangat ialah melihat penghuni rumah peralihan itu dibebaskan.

"Setiap kali saya melihat penghuni jejak kaki keluar pintu rumah peralihan ini pada hari terakhir mereka, itulah kebahagiaan saya. Itu memberi saya semangat ingin kembali setiap hari untuk membantu mereka," jelas Encik Faizal.

Panggilan "bro" yang menegurnya setiap kali terserempak dengan bekas penagih di luar juga membawa keceriaan, lebih-lebih lagi jika beliau dapat melihat kehidupan mereka bertambah baik.

Yang menyentuh hatinya ialah apabila bekas penagih ini kembali ke Darul Islah untuk menyumbang balik dalam kerja sukarela.

Meskipun beliau telah melihat ramai bekas pesalah dadah menjalani kehidupan baru lebih baik yang bebas dadah, Encik Faizal tetap bimbang melihat lebih anak muda terjebak dalam gejala dadah hari ini.

Menurutnya, golongan ini belum memikirkan masa depan mereka, dan harus menyedari betapa berat kesan menyalah guna dadah dalam kehidupan mereka.

Apatah lagi, ketika berkhidmat sebagai pegawai penjara, beliau pernah dikerahkan menyaksikan proses hukuman gantung.

Pengalaman itu yang disifatkannya sebagai mengerikan dan menginsafkan, merupakan peringatan agar tidak melakukan sebarang jenayah dalam apa jua cubaan dan dugaan hidup.

"Setiap kali saya tutup mata, saya masih boleh bayangkannya dan ia menjadi iktibar buat saya..."

"Kalaulah setiap pesalah dadah mengalami apa yang saya lalui, barulah mereka akan sedar betapa berisiko kehidupan mereka jika terjebak dalam dadah," katanya. -

SIRI LAPORAN ANTIDADAH Kerjasama antara Berita Harian/Minggu dengan Biro Narkotik Pusat (CNB)

Laksana inisiatif 'rai' hari pembebasan

Dec 23, 2018 | 05:30 AM



BERDOA BERSAMA: Pada pagi hari pembebasan, semua penghuni Darul Islah akan berkumpul untuk membaca doa bersama, dan di samping itu, bekas pesalah akan memberi ucapan. - Foto JAMIYAH SINGAPURA

DALAM dua barisan, penghuni Rumah Peralihan Jamiyah Darul Islah mengucapkan selamat tinggal sedang rakan mereka Amat (bukan nama sebenar) yang dianggap sebagai 'tetamu terhormat' berjalan di tengah-tengah.

Itulah hari kemenangan Amat, kerana akhirnya, dia bebas.

Setelah itu, dia ditemani ketua Rumah Peralihan Jamiyah Darul Islah, Encik Mohamad Faizal Abas, yang memandu sendiri van dari Pasir Panjang ke penjara Changi.

Inisiatif ini baru sahaja mula dilaksanakan minggu lalu dan akan diteruskan secara rasmi oleh Darul Islah.

Sebelum ini, penghuni perlu menaiki bas seorang diri dan tidak ada majlis rasmi untuk mengetengahkan mereka sebagai 'tetamu terhormat'.

Namun, Encik Faizal berkata beliau ingin membuat majlis istimewa.

Justeru, beliau sendiri yang akan memandu mereka ke penjara Changi bagi melalui beberapa proses sebelum dibebaskan.

"Saya mahukan ia menjadi detik emosi dan bersejarah," jelas Encik Faizal sambil tersenyum.

Pada pagi hari pembebasan, semua orang akan berkumpul dan membaca doa untuk penghuni itu.

Penghuni tersebut juga akan membuat ucapan kepada rakan-rakannya yang lain sebelum meninggalkan Darul Islah.

Menurut Encik Faizal, beliau berharap majlis yang diadakan secara rasmi ini dapat memberi galakan kepada yang lain sambil mereka menanti hari pembebasan. - NUR HUMAIRA SAJAT